

## **STPM Kertas 1 2016:**

### **Soalan 4**

- (a) Nyatakan dua sebab mengapa rekod tidak lengkap masih terdapat dalam dunia perniagaan.  
(b) Shah Ifzan Enterprise merupakan pengeluar makanan sejuk beku di utara Semenanjung Malaysia. Perniagaan ini telah beroperasi sejak lima tahun lepas, tetapi tidak menyimpan rekod perakaunan yang lengkap. Sebagai syarat untuk mendapatkan pinjaman daripada pihak bank, perniagaan diminta untuk menyediakan penyata kewangan bagi tahun 2014. Perniagaan telah memberikan maklumat yang berikut:

- (1) Baki akaun-akaun aset dan liabiliti pada 31 Disember.

Akaun	2013	2014
	RM	RM
Premis perniagaan (pada kos)	350,000	350,000
Lori berhawa dingin (pada kos)	120,000	120,000
Mesin (pada kos)	150,000	150,000
Inventori	23,000	29,400
Akaun belum terima	10,000	14,200
Akaun belum bayar	11,500	13,700
Insurans prabayar	600	800
Utiliti terakru	450	320
Bank	6,510	16,670

- (2) Yang berikut ialah maklumat mengenai penerimaan dan pembayaran tunai sepanjang tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2014.

Urus niaga	Penerimaan (RM)	Pembayaran (RM)
Jualan tunai	75,000	
Belian tunai		5,000
Pembayaran kepada pembekal		130,000
Belanja insurans		1,200
Belanja utiliti		1,420
Belanja penghantaran		2,400
Belanja gaji		9,400
Belanja iklan		2,000
Ambilan		10,000

- (3) Jumlah pulangan belian bagi tahun 2014 ialah RM500. Semua pulangan adalah dari belian secara kredit.
- (4) Syarikat telah menetapkan margin untung kasar ke atas kos barang dijual adalah sebanyak 35%.
- (5) Syarikat telah menghapus kira hutang pelanggan berjumlah RM800 kerana pelanggan tersebut telah muflis.
- (6) Polisi dan prosedur perakaunan yang diamalkan oleh syarikat adalah seperti yang berikut:
- (i) Memasukkan tunai dan cek yang diterima secara serta-merta ke dalam bank.
  - (ii) Menggunakan sistem inventori berkala dalam rekod perakaunannya.
  - (iii) Premis perniagaan tidak dikenakan susut nilai tahunan.
  - (iv) Lori dan mesin disusutnilaikan dengan menggunakan kaedah garis lurus, masing-masing untuk tempoh 15 dan 20 tahun, tanpa nilai sisa. Kedua-dua aset ini telah dibeli pada tahun 2010. Polisi syarikat adalah mengenakan susut nilai secara penuh pada tahun pembelian.

**Dikehendaki:**

Sediakan , bagi Shah Ifzan Enterprise.

- (i) Penyata pendapatan komprehensif bagi tahun berakhir 31 Disember 2014. (11 markah)
- (ii) Penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2014. (7 markah)